

Kesediaan Keusahawanan Guru Menurut Perspektif Islam

Rosmani Ali^{1, a}, Prof Dr Nor Aishah Buang^{2, b}, Asyraf Ridwan Ali^{3, c}, Dr Rakiyah Ali^{4, d}

^{1,2,4}IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Malaysia

^arosmani@ipgm.edu.my, ^bnoraisah1962@gmail.com,

^casyraf@ipgm.edu.my, ^drakiyah@ipgm.edu.my,

Keywords: Kesediaan, Keusahawanan Guru, Prinsip Kebebasan, Prinsip Keadilan

Abstrak. Tamadun Islam membuktikan bahawa kebanyakan nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT telah melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan dalam pelbagai bidang. Malahan, Islam melihat kegiatan keusahawanan perlu dijana selari dengan tuntutan kontemporari umat dan manusia sejagat. Justeru dalam usaha merealisasikan pembudayaan keusahawanan berprinsipkan Islam secara sejagat, sebagai pendidik perlu mempunyai kesediaan dan bertindak sejajar dengan prinsip-prinsip keusahawanan yang ditetapkan. Berdasarkan fenomena sebegini, kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti kesediaan keusahawanan yang terdapat dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) menurut perspektif Islam. Aspek yang dikaji adalah dari segi kesediaan pengalaman, kemahiran dan niat para pensyarah IPG untuk menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran yang akan mereka laksanakan. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang dilaksanakan terhadap 220 orang responden yang terdiri daripada pensyarah IPG Kampus Zon Timur yang terdapat di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Data bagi kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan tinjauan literatur dan temu bual panel pakar. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21. Keputusan analisis menunjukkan tahap kesediaan keusahawanan yang dikaji dalam kalangan pensyarah IPG adalah sederhana. Di samping itu, pelbagai aspek keusahawanan dalam perspektif Islam perlu diambil kira seperti prinsip kebebasan, prinsip kerelaan, prinsip keadilan dan prinsip perlindungan. Secara keseluruhannya kajian ini memberikan jawapan alternatif tentang kesediaan keusahawanan yang terdapat dalam kalangan para pendidik. Seterusnya hasil penyelidikan ini juga diharapkan mempunyai signifikan dan impak positif dalam pembentukan modal insan khususnya dalam bidang pembudayaan pendidikan keusahawanan berlandaskan Islam bagi melahirkan bakal guru yang berprestasi cemerlang dunia dan akhirat.

Pengenalan

Sejarah keusahawanan dalam Islam telah bermula serentak dengan kehidupan manusia sejak zaman putera Nabi Adam A.S yang memelopori bidang pertanian dan penternakan. Seterusnya bidang keusahawanan terus mengalami perkembangan dari aspek pertukangan dan perniagaan sehingga menjangkau ke peringkat antarabangsa (Ab. Aziz, 2009). Perkembangan yang sebegini memerlukan kesediaan para pendidik untuk bertindak sejajar dengan nilai-nilai keusahawanan dan ilmu pendidikan yang ditetapkan. Aspek kesediaan adalah penting sebagai salah satu platform yang dapat memacu keberkesanan pelaksanaan sesuatu aktiviti yang dijalankan. Di samping itu mereka perlu berhadapan dengan transformasi dalam pendidikan yang sangat dinamik.

Mendepani transformasi yang sebegini, keusahawanan Islam difahami dalam konteks yang lebih meluas melibatkan tugas dan tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. iaitu hubungan manusia dengan pencipta dan juga hubungan sesama manusia. Hubungan berkenaan bukan sekadar berkaitan dengan aspek perniagaan tetapi juga sebagai ibadat yang mendapat ganjaran di sisi Allah s.w.t. Budaya keusahawanan Islam selari dengan nilai-nilai Islam dan harus diterap serta diamalkan untuk menghayati nilai-nilai yang wujud dalam keusahawanan itu sendiri. Keusahawanan Islam membawa pengamalannya supaya peka terhadap peranan mereka untuk memakmurkan dunia dengan cara yang halal dan diredai.

Konsep Keusahawanan Guru

Istilah keusahawanan guru diperkenalkan oleh Berry bersama rakan-rakannya tahun 2013. Menurut Barnett, Byrd dan Wieder (2013) keusahawanan guru merujuk kepada dua perkataan asal iaitu 'keusahawanan' dan 'guru'. Keusahawanan bermaksud segala aktiviti yang berkaitan dengan kegiatan dan kemahiran usahawan, manakala guru pula merujuk kepada orang yang mengajar. Berdasarkan maksud berkenaan Barnett menjelaskan maksud 'keusahawanan-guru' sebagai situasi di mana para guru boleh terus memberi khidmat pengajaran dengan tidak hanya merujuk kepada aktiviti di dalam bilik darjah yang tertutup. Malahan pengajaran seseorang yang bercirikan keusahawanan guru akan sentiasa memberi khidmat bimbingan dan runding cara berilmu apabila mereka mempunyai masa tempat yang bersesuaian. Para pelajar diajar untuk berinteraksi dengan persekitaran dunia yang ada di sekeliling mereka. Para guru tidak lagi dikawal dengan sepenuhnya oleh peraturan dan birokrasi yang akan mengekang kreativiti dan inisiatif para guru dan pelajar.

Dengan bercirikan situasi pengajaran dan pembelajaran yang sebegini akan dapat melahirkan generasi yang berdaya fikir matang untuk menghadapi kehidupan dunia yang sentiasa berubah dan mencabar. Ciri sebegini juga bertepatan dengan prinsip keusahawanan dalam perseptif Islam seperti prinsip kebebasan, prinsip kerelaan, prinsip keadilan dan prinsip perlindungan. Keempat-empat prinsip ini perlu diamalkan bagi memastikan usahawan berjaya dalam perniagaan di samping mendapatkan keberkatan Ilahi.

Pernyataan Masalah

Keusahawanan Islam merupakan salah satu elemen dalam membentuk ketahanan jati diri seseorang. Melalui struktur pendidikan yang baik berteraskan elemen sikap keusahawanan dapat melahirkan individu yang mempunyai kemahiran keusahawanan untuk menghadapi cabaran kehidupan terkini (Souf, 2007). Hal ini diperkuatkan oleh Buerah & Hussin (2011) yang menegaskan dalam kajiannya bahawa pembudayaan keusahawanan dapat dipupuk menerusi penerapan pendidikan berunsurkan keusahawanan Islam yang berkesan. Justeru kajian dari segi keusahawanan Islam adalah penting untuk mengenal pasti kelangsungan pelaksanaan elemen berkenaan dalam konteks pendidikan negara kita hari ini.

Kajian dalam aspek kesediaan dan bidang keusahawanan sememangnya sentiasa dilakukan sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Namun kebanyakan kajian keusahawanan dijalankan untuk melihat pendidikan keusahawanan dalam melahirkan individu sebagai usahawan. Sarjana terkenal luar negara menegaskan dalam kajian mereka bahawa dunia mengalami revolusi keusahawanan. Kajian dalam bidang keusahawanan dalam dekad yang lalu telah semakin memberi tumpuan kepada keusahawanan dalam sempadan organisasi yang sedia ada. Penyelidikan tentang keusahawanan menekankan aspek keusahawanan seseorang dari segi ciri-ciri mereka serta sokongan dalam organisasi (Antoncic & Hisrich 2003; Kuratko, Morris & Kevin 2007; Akaslan & Low 2011; Akin & Ed 2013). Namun, kajian mengenai kecenderungan terhadap pendidikan keusahawanan Islam untuk melahirkan individu yang bersikap keusahawanan bagi pembentukan jati diri sebagai amalan kehidupan berlandaskan Islam masih kurang diambil perhatian oleh kebanyakan penyelidik dalam bidang keusahawanan.

Negara kita hari ini juga mengalami perubahan pendidikan sangat dinamik yang menuntut kesediaan para pengajar untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Pengajar perlu sentiasa bersedia dan mempunyai nilai pengadaptasian yang tinggi dalam menghadapi situasi sistem pendidikan. Seperti yang diperkatakan bahawa keberkesanan dalam profesion perguruan berkait rapat dengan keupayaan dan usaha gigih mereka untuk menyempurnakan tanggungjawab terhadap pelajar, sekolah, institusi dan masyarakat (Scott & Marrison 2006; Hussein 2012). Malahan Hussein (2012) menegaskan, para pengajar perlu sentiasa mempunyai nilai tambah sendiri terhadap perkhidmatan mereka agar mampu menghadapi situasi kedinamikan transformasi globalisasi pendidikan hari ini. Tambahan pula kemahiran pendidikan di abad ke 21 kini memerlukan para pengajar berupaya melahirkan generasi yang kaya maklumat, memiliki kekuatan minda yang kreatif dan inovatif, mempunyai nilai-nilai luhur dan murni, semangat jati diri, keusahawanan dan keterampilan (Boyatzis 2008; Bunker 2012). Walau bagaimanapun, adakah para pengajar mempunyai amalan pembudayaan keusahawanan Islam yang dijangka dapat membantu kesediaan mereka untuk menjiwai pembudayaan keusahawanan dalam pengajaran mereka di sekolah kelak? Bagaimana pula Adakah mendukacitakan jika matlamat pendidikan sudah dinyatakan begitu jelas sekali dalam reka bentuk kurikulum dan hasil pembelajaran, namun dari segi praktiknya ia tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. Justeru, kajian ini amat perlu untuk menjawab persoalan yang diutarakan memandangkan aspek-aspek yang diutarakan belum lagi ditemui dalam kajian terdahulu.

Ekoran dari perubahan dan tuntutan sebegini maka pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian terhadap tahap kesediaan keusahawanan yang dimiliki oleh para pensyarah di IPG dan seterusnya mengkaji prinsip keusahawanan menurut perspektif Islam. Kajian ini amat wajar memandangkan elemen keusahawanan dalam konteks Islam merupakan sesuatu yang meluas untuk difahami melibatkan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t.

Objektif dan Soalan Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- tahap kesediaan keusahawanan guru dalam kalangan pensyarah IPG.
- persepsi pensyarah terhadap prinsip-prinsip keusahawanan menurut perspektif Islam.

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang berikut;

- Apakah tahap kesediaan keusahawanan guru dalaman kalangan pensyarah IPG.
- Apakah persepsi pensyarah terhadap prinsip-prinsip keusahawanan menurut perspektif Islam.

Metodologi

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Namun temu bual dilakukan untuk mendapatkan data sokongan terhadap kajian yang dijalankan. Persampelan terdiri daripada 220 orang pensyarah IPG Zon Timur yang melibatkan tiga buah IPG di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Data kesediaan keusahawanan dikumpul menggunakan soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan temu bual panel pakar dan tinjauan literatur. Kajian rintis juga telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 133 orang pensyarah IPG yang tidak terlibat dengan kajian sebenar telah dipilih dalam kajian rintis. Keputusan ujian menunjukkan semua konstruk yang dikaji dalam instrumen kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi ($\alpha=0.91$). Manakala seramai lapan orang pakar yang terdiri daripada pensyarah IPG dan IPTA yang berpengalaman dan pakar dalam bidang kajian juga telah memberi maklum balas mereka tentang kepentingan, kesesuaian dan ketepatan isi kandungan serta kejelasan maksud setiap item dalam instrumen kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif SPSS versi 21 untuk menganalisis data. Manakala data temu bual dianalisis secara pendekatan bertema dengan menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.5.10. Tema yang diinterpretasikan disemak oleh rakan pengkaji dan ditriangulasi melalui peserta yang ditemubual.

Dapatan Kajian

Profil Responden. Analisis statistik berbentuk frekuensi dan peratus digunakan bagi menerangkan profil responden. Keseluruhan maklumat demografi responden kajian adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

Pemboleh Ubah	Bilangan	Peratusan
Jantina:		
Lelaki	144	65.5
Perempuan	76	34.5
Umur:		
Kurang 35 tahun	3	1.4
36 – 45 tahun	50	22.7
46 – 55 tahun	138	62.7
Lebih 55 tahun	29	13.2
Pengalaman:		
Kurang 9 tahun	116	52.7
10 – 19 tahun	64	29.1
20 – 29 tahun	34	15.5
Lebih 29 tahun	6	2.7
JUMLAH	220	100.0

Berdasarkan Jadual 1, responden yang dikaji adalah seramai 65.5 peratus pensyarah lelaki dan 34.5 peratus adalah pensyarah perempuan. Dari segi umur, kategori responden yang paling ramai terdiri daripada pensyarah yang berumur antara 46 hingga 55 tahun (62.7%), manakala kumpulan yang paling sedikit ialah pensyarah yang berumur di bawah 35 tahun (1.4%). Selebihnya adalah pensyarah di dalam kategori antara 36 hingga 45 tahun (22.7%) dan kategori umur lebih daripada 55 tahun (13.2%). Berdasarkan dapatan berkaitan profil umur responden, lebih separuh (62.7%) daripada responden adalah berumur lebih antara 46 hingga 55 tahun dan ini menunjukkan majoriti pensyarah adalah terdiri daripada mereka yang dianggap mempunyai pengalaman dan berkemahiran di dalam bidang tugas mereka.

Tahap Kesediaan Keusahawanan. Berdasarkan Jadual 2, kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana (Min=5.26, SP=0.84). Analisis bagi konstruk-construct tahap kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG menunjukkan kesemua konstruk mempunyai nilai min di tahap sederhana yang hampir seimbang iaitu pengetahuan (Min=5.49, SP=0.88), kemahiran (Min=5.14, SP=0.85) dan niat (Min=5.15, SP= 0.83).

Jadual 2: Tahap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan Pensyarah IPG

Konstruk	Min	SP	Tahap
Pengetahuan	5.49	0.88	Sederhana
Kemahiran	5.14	0.85	Sederhana
Niat	5.15	0.83	Sederhana
Min Keseluruhan	5.26	0.84	Sederhana

Data kajian juga mendapati kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG hanya konstruk pengetahuan mempunyai nilai min yang melebihi daripada nilai min keseluruhan 5.26. Min bagi konstruk pengetahuan adalah tertinggi iaitu 5.49. Bagi konstruk kemahiran dan niat mempunyai nilai min yang hampir sama iaitu min 5.14 bagi konstruk kemahiran dan 5.15 bagi konstruk niat. Ini menggambarkan pensyarah yang dikaji mempunyai kesediaan dari aspek pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan aspek kemahiran dan niat.

Perbincangan Tahap Kesediaan Keusahawanan Pensyarah IPG

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kesediaan elemen keusahawanan pensyarah IPG yang dikaji secara keseluruhannya adalah sederhana. Ini menjelaskan bahawa para pensyarah mempunyai kesediaan dari segi pengetahuan, kemahiran dan niat mereka untuk menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran yang dilaksanakan di bilik kuliah. Malahan tahap kesediaan dari segi kemahiran adalah tinggi menunjukkan pensyarah mempunyai kesediaan yang sangat baik dari segi kemahiran keusahawanan. Komitmen yang sebegini menggambarkan sikap yang positif para pensyarah untuk menerima perubahan dan mempunyai perasaan untuk mengiktiraf manfaat perubahan yang berlaku (McClelland 1987, Barnett Berry et al. 2013).

Abd. Rahim (2007) menjelaskan bahawa kesediaan pengajar dan pendekatan pengajaran yang sesuai mempunyai hubungan yang tinggi dengan tahap motivasi pelajar, tahap pencapaian akademik dan persepsi keseluruhan keberkesanan pengajaran. Kajian Akaslan & Law (2011) mendapati bahawa individu yang sentiasa bersemangat tinggi untuk mengajar terdiri daripada mereka yang selalu mempunyai kesediaan yang relevan apabila mengajar. Di samping itu, seorang pengajar yang berkesan perlu menguasai pengetahuan dan berkemahiran berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar. Pengetahuan dan kemahiran pedagogi akan membantu pengajar mengubah suai kefahaman mereka mengenai isi kandungan tersebut kepada bentuk-bentuk pedagogikal yang baik serta bersesuaian dengan kebolehan dan latar belakang pelajar. Pengetahuan jenis ini juga dikatakan bertindak sebagai “peta konseptual” atau panduan kepada para pengajar dalam membuat keputusan tentang pengajaran, ini termasuk objektif yang hendak dicapai, pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dan jenis latihan yang harus diberikan dalam sesuatu pengajaran (Abd. Rahim 2007, Akaslan & Law 2011).

Persepsi pensyarah terhadap prinsip-prinsip keusahawanan menurut perspektif Islam. Berdasarkan analisis data temu bual, persepsi pensyarah terhadap prinsip-prinsip keusahawanan menurut perspektif Islam yang perlu diambil kira adalah prinsip kebebasan, prinsip kerelaan, prinsip keadilan dan prinsip perlindungan. Malahan ke semua pensyarah yang ditemu bual bersetuju mencadangkan supaya prinsip-prinsip berkenaan diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Prinsip Kebebasan. Pensyarah yang ditemu bual beranggapan kebebasan merupakan prinsip keusahawanan Islam yang amat penting. Keperluan untuk memenuhi sesuatu perkhidmatan sekarang amat dinamik dan mencabar. Pelbagai pihak mencuba untuk mendapatkan pelbagai tuntutan keperluan terhadap perkhidmatan yang disediakan. Namun para pensyarah juga terikat dengan prosedur kerja yang perlu dipatuhi. Oleh itu bagi menjamin kebebasan, mereka bersetuju supaya diberi kuasa memilih untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan. Dalam hadis Riwayat Abu Daud, Rasulullah SAW menjelaskan: “Orang Islam adalah tertakluk kepada ikatan syarat-syarat yang dipersetujui”. Namun, Islam menetapkan batas-batas kebebasan iaitu selagi tidak terkeluar daripada tuntutan syarak dan tidak mendatangkan musibah kepada mana-mana pihak. Bagi menjamin perkembangan ummah yang sihat dalam pelbagai kegiatan maka kebebasan melaksanakan sesuatu aktiviti atau perkhidmatan perlu diberikan.

Prinsip Kerelaan. Prinsip kerelaan menurut peserta yang ditemu bual merupakan keadaan iaitu terdapat situasi suka sama suka atau kerelaan kedua-dua pihak dalam menjalankan kegiatan. Bagi memastikan wujudnya kerelaan semasa melakukan aktiviti, akur janji (akad) perlu dilafazkan sebagai tanda persetujuan. Ini bertepatan dengan penjelasan oleh Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam konteks urus niaga yang bermaksud, “Jual beli dilakukan dengan tawar menawar, jika kedua-dua jujur dan nyata maka mereka diberkati, tetapi jika kedua-dua nya dusta dan merahsia, maka keberkatan akan lenyap”.

Prinsip Keadilan. Aspek keadilan yang turut dititikberatkan dalam urusan keusahawanan Islam juga mendapat persepsi

positif dalam kalangan peserta yang dikaji. Keadilan dijadikan sebagai salah satu prinsip dalam perkhidmatan yang bertujuan memelihara kepentingan dan kebajikan pelbagai pihak yang terlibat. Keadilan bererti meletakkan sesuatu pada tempat yang betul. Namun dalam konteks ini keadilan dilihat sebagai membuat tindakan atau keputusan sebagaimana yang dikehendaki syariat Islam. Oleh itu keadilan perlu diterima sebagai suatu amanah yang perlu dipenuhi. Keadilan dalam keusahawanan Islam adalah dengan menjalankan sesuatu urusan bebas daripada penipuan, pilih kasih dan lebih mengutamakan kepentingan sendiri sama ada dalam urusan pengeluaran, penjualan dan pembelian. Tuntutan ini selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud; “Dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil, kerana sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang berlaku adil” (Surah al-Maidah 5:42).

Oleh itu semua pihak yang terlibat dalam pelbagai bidang kegiatan yang diceburi mendapat hak masing-masing kerana semua pihak mengutamakan amanah dalam setiap tindakan mereka. Prinsip keadilan ini dapat memastikan wujudnya perhubungan bersifat simbiosis dalam kalangan mereka yang terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Keadilan dalam prinsip keusahawanan yang berdasarkan ajaran Islam akan memastikan wujudnya keredaan antara kedua-dua belah pihak, mengekalkan perdamaian dan menjaga hubungan baik antara mereka. Sungguhpun begitu, keadilan akan hanya boleh direalisasikan apabila terdapatnya keikhlasan, kejujuran dan amanah dalam diri setiap pihak yang terlibat.

Prinsip Perlindungan. Keusahawanan Islam juga memberi penekanan pada aspek perlindungan. Prinsip perlindungan diberi penekanan untuk menjamin kebajikan dan kepentingan seseorang individu untuk mengelak daripada berlakunya sebarang bentuk kemudaratan dan penipuan semasa menjalankan aktiviti. Rasulullah SAW bersabda; “Penipuan membawa kepada neraka” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Bagi memastikan terdapatnya hak perlindungan, Islam mewajibkan pihak yang terlibat menyempurnakan janji atau kontrak yang dimeterai bersama. Mana-mana pihak yang tidak menepati janji akan dianggap munafik kepada Allah.

Perbincangan: Kesediaan Keusahawanan Guru Menurut Perspektif Islam

Islam sentiasa menekankan bahawa semua aspek pengajaran merupakan satu tugas penting bagi seseorang supaya dapat membina dan mengembangkan idealisme sosial dan moral yang boleh dihayati dan diterima oleh masyarakat. Nilai pengajaran yang dilakukan akan mempengaruhi perubahan dan mencorakkan pembangunan manusia yang kukuh dari segi akhlak dan moral, insan yang berpengetahuan, berdaya maju dan dapat menghadapi cabaran (Hussein 2012; Mohamad Sani et al. 2012). Kualiti masyarakat yang sebegini akan berjaya menghasilkan corak pencapaian pelajar dan kemajuan institusi keseluruhannya.

Dengan mempunyai penghayatan terhadap prinsip-prinsip keusahawanan secara Islam dapat memberi kesan positif dalam kehidupan yang lebih baik. Mereka yang bersikap sebagai usahawan boleh menjadi satu pengalaman yang dapat memberi kuasa kepada mereka. Sikap seperti berani mengambil risiko, sentiasa kreatif dan berinovatif, bersedia dan komitmen dengan situasi yang sering berubah dan mempunyai keyakinan diri untuk terus cemerlang dapat menjadikan seseorang yang dapat membentuk nilai kualiti peribadi yang berkesan. Individu yang sebegini berupaya bertindak sebagai pemikir, pemangkin, pendorong dan penyuntik untuk kejayaan dalam masyarakat (Ab Yusof 2009). Kesedaran mereka terhadap aspek ini dapat menggalakkan individu lain untuk bertindak secara lebih proaktif, sensitif, kreatif dan inovatif kerana mampu mengambil faedah daripada kekuatan yang dimiliki, bersedia memperbaiki dan menilai kelemahan diri sendiri, cepat merebut peluang dan lebih berkemampuan untuk berhadapan dengan pelbagai ketidakpastian yang bakal muncul.

Kesediaan diri merupakan asas atau pendorong kepada perlakuan positif dalam pelaksanaan dan penghasilan sesuatu kerja secara Islam. Seseorang yang mempunyai kesediaan diri yang berkualiti dapat menghindarkan diri daripada melakukan sesuatu yang bercanggah dengan peraturan dan nilai yang ditetapkan serta menerima perubahan dengan positif. Individu yang sebegini meletakkan ‘*High Impact–High Performance*’ untuk prestasi kecemerlangan mereka. Untuk menempa kejayaan yang sebegini ia berkait dengan sikap, cara berfikir dan cara seseorang itu bertindak (Razali 2003). Di samping itu, ciri sebegini juga bertepatan dengan prinsip-prinsip keusahawanan Islam yang dibincangkan seperti prinsip kerelaan dan keadilan.

Mereka yang bersikap keusahawanan secara Islam juga dapat menjamin penghasilan kualiti negara mencapai bertaraf dunia. Aspirasi ini memerlukan seseorang yang lebih komited dan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berguna dan sekali gus dapat memajukan negara. Syed Ismail dan Ahmad Subki (2011) menyatakan, seseorang yang berpengetahuan ialah individu yang berketerampilan, berdaya maju, berhemah, berdedikasi, serba boleh dari segi pengajaran, professional dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. Individu yang berpengetahuan sebegini perlu mempunyai minat membaca, cintakan kegiatan intelektual, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, dapat menyumbang pengetahuan kepada masyarakat, dapat mempengaruhi hala tuju masyarakat, berani memimpin berasaskan kekuatan ilmu pengetahuan dan mempunyai jati diri berasaskan kekuatan intelektual yang tinggi (Sufean 2004; Shuhairimi & Ku Halim 2010; Syed Ismail & Ahmad Subki 2011).

Seseorang yang berjaya suka untuk mengetahui prestasi mereka. Mereka memiliki keinginan yang kuat untuk

menggunakan pengetahuan bagi memperbaiki prestasi mereka agar sentiasa lebih cemerlang. Kajian terdahulu telah menunjukkan seseorang yang bersikap keusahawanan berupaya mencipta peluang apabila berlakunya perubahan terhadap persekitarannya. Mereka akan menghadapi pelbagai cabaran dan halangan apabila berlaku perubahan (Abdullah & Ainon 2006; Ab. Aziz 2009; Antoncic & Hisrich 2001) . Dengan memiliki daya kekuatan mental, fizikal dan emosi yang tinggi mereka untuk terus bertahan di samping terus menangani segala masalah yang dihadapi dengan tabah sehingga berjaya. Mereka yang bersikap sebegini berjaya menjadi seorang yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif kerana mereka perlu mengenal peluang-peluang dalam persekitaran mereka melalui pemerhatian supaya boleh menjana idea, gambaran atau langkah-langkah ke arah sesuatu tindakan untuk menyelesaikan sesuatu situasi yang mudah. Kepakaran, kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dimiliki akan menjadikan mereka memiliki kelebihan yang tersendiri (Nor Aishah 2013; Barnett et. al. 2013). Di samping itu, kelebihan kompetitif yang dibangunkan dalam kalangan individu yang sebegini akan meningkatkan keupayaan mereka untuk mengambil faedah daripada penggunaan teknologi, penjaan kreativiti dan inovasi seterusnya lebih bersedia untuk menceburkan diri dalam cabaran persekitaran (Nor Aishah 2013; Ab. Aziz 2009). Justeru, individu yang mengamalkan pembudayaan keusahawanan secara Islam berupaya menjadi nadi kepada sesebuah organisasi dan agar dapat memiliki kelebihan kompetitif yang tersendiri bagi menghadapi persaingan dunia hari ini.

Penutup

Keusahawanan dalam Islam dipandu oleh etika perniagaan yang bertujuan membawa kemakmuran kepada seluruh alam. Ajaran Islam berjaya mendidik dan membangunkan insan yang cemerlang dan melahirkan satu peradaban yang unggul. Unsur kerohanian menjadi pemangkin dan kayu ukur kejayaan sesuatu aktiviti yang dijalankan yang menyumbang kepada kemaslahatan ummah keseluruhannya.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. 2009. *Pendidikan Keusahawanan Dalam Konteks Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ab Aziz Yusof. 2010. *Pengenalan Kepada Usahawan & Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Scholar Mind Publishing.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2007. *Profesionalisme Keguruan: Prospek Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akaslan D. and Low. E. F. 2011. Measuring teachers’ readiness for E-Learning; In higher education institutions associated with the subject of electricity in Turkey. *IEEE Global Engineering Education Conference (EDUCON)*. Pg:481 – 490.
- Akin, I., & Ed, D. 2013. Strategies for Teacher Readiness For Marginalized Students. *Journal of College Teaching & Learning*. 10(4), 235–245.
- Antoncic, B., & Hisrich, R. D. 2003. Clarifying the intrapreneurship concept. *Journal of Small Business & Enterprise Development*. 2003, pp. 7- 24
- Barnett B., Byrd A. & Wieder A. 2013. *Teacherpreneurs: Innovative Teachers Who Lead But Don’t Leave*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Boyatzis, R. 2008. Competencies in the 21st century. *Journal of Management Development*. Vol. 27 No. 1, 2008. pp. 5-12
- Buerah Tunggak & Hussin Salamon. 2011. *Budaya Usahawan Berjaya*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bunker, D. H. 2012. Teachers’ orientation to teaching and their perceived readiness for 21st Century Learners. Tesis Dr Fal. Faculty of the Graduate School of The University of Texas.
- Fullan, M. 2011. *Makna Baru Perubahan Pendidikan: The New Meaning of Educational Change*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad,
- Hussein Ahmad. 2012. *Mission of Public Education in Malaysia: The Challenge of Transformation*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2010. *Asas Pembudayaan Keusahawanan*. Edisi ke-10. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- McClelland. D.C. 1985. Characteristics of successful entrepreneurs. *Journal of Creative Behaviour*. 21(3): 219-233.

Mohamed Sani Ibrahim & Mohd Nizam Mohd Hamzah. 2012. *Pengurusan Perubahan Makro Dalam Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Nor Aishah Buang. 2013. *Pendidikan Keusahawanan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norasmah Othman, Norashidah Hashim dan Hariyaty Ab Wahid. 2012. Readiness towards entrepreneurship education Students and Malaysian Universities. *Education+Training*. Vol. 54. No 8-9. Emerald Group Publishing. www.emeraldinsight.com/0040-0912.htm. (Muat turun pada 24 November 2013).

Razali Ismail. 2003. *Menjantik Minda. Siri Memperkasa Profesionalisme Keguruan*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Scott D. & Morrison M. 2006. *Key Ideas In Educational Research*. London. New York: Continuum International Publishing Group.

Shuhairimi Abdullah dan Ku Halim Ku Ariffin. 2010. *Keusahawanan Islam*. Penerbitan Universiti Malaysia Perlis. Kangar.

Sufean Hussin. 2004. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia. Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon. 2011. *Guru dan Cabaran Semasa*. (Cetakan ke-3). Selangor: Penerbitan Multimedia.